

Malaysia perkukuh peranan hab pelaburan dipercayai

Kerajaan terus perkasa daya saing PKS, syarikat baharu di pentas global

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia menegaskan komitmennya untuk memperkukuh kedudukan sebagai hab pelaburan yang dipercayai di rantau ini, sambil memastikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta syarikat baharu tempatan terus diberi perhatian dan sokongan agar tidak tercicir dalam arus pembangunan ekonomi global.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan terus menyokong PKS melalui jaminan dan kemudahan pembiayaan yang diperluaskan, membantu mereka berinovasi, mendigitalkan operasi serta meningkatkan daya saing dalam pasaran antarabangsa.

Beliau berkata, laluan ke hadapan mesti dipandu oleh teknologi, kemampunan dan keterangkuman.

Menurutnya, transformasi digital, kecerdasan buatan dan automasi bukan lagi kemewahan,



Anwar melawat pameran ketika Sidang Kemuncak GoTrade DHL 2025 di Kuala Lumpur, semalam yang turut disertai Tengku Zafrul (dua dari kiri), Chin Tong (kiri) dan Pearson.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

ia adalah alat yang akan menentukan daya saing pada tahun-tahun mendatang.

"PKS dan syarikat multinasional adalah rakan kongsi dalam perjalanan ini. Pertumbuhan sesebuah syarikat bergantung pada kekuatan yang lain.

"Dengan memperdalam kerjasama, kita membina ekosistem yang memacu inovasi, penciptaan pekerjaan dan kemakmuran bersama," katanya pada Sidang Kemuncak GoTrade DHL 2025 di

Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Liew Chin Tong dan Ketua Pegawai Eksekutif DHL Express, John Pearson.

Majukan visi perpaduan

Sementara itu, Perdana Menteri menegaskan, sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini, Malaysia

berazam untuk memajukan visi perpaduan yang berprinsip dan pragmatik sejajar dengan tema Keterangkuman and Kemampunan di bawah Visi ASEAN 2045.

Beliau berkata, kemajuan ekonomi mesti diukur bukan saja dalam angka, tetapi dalam maruah kerja, kesejahteraan keluarga dan peluang yang adil untuk semua lapisan masyarakat.

Menurutnya, Keberhasilan Utama Ekonomi (PED) turut meletakkan perusahaan mikro,

kecil dan sederhana (PMKS), usahawan wanita serta golongan belia sebagai nadi pembangunan serantau yang lebih inklusif.

"Dengan integrasi, keterhubungan dan daya tahan digital akan membentuk ASEAN yang bukan saja lebih kuat, tetapi juga lebih saksama dan berperikemajuan," katanya.

Dalam usaha memperdalam integrasi ekonomi, Anwar berkata, tumpuan kini turut diberikan kepada Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), perjanjian perdagangan terbesar dunia yang merangkumi hampir satu pertiga Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan perdagangan global.

Menjelang penganjuran Mesyuarat Pemimpin RCEP Kelima hujung bulan ini, Malaysia komited untuk memperkukuh peranan ASEAN dalam memastikan pelaksanaan RCEP membawa manfaat menyeluruh, bukan saja kepada syarikat multinasional, tetapi juga kepada PKS, pekerja dan komuniti setempat.

Kejayaan sebenar RCEP, tegasnya, bergantung pada kemampuan negara anggota menterjemahkan komitmen kepada peluang sebenar, termasuk menambah baik kemudahan perdagangan, menangani halangan bukan tarif serta mengintegrasikan sektor ekonomi digital, perkhidmatan dan peralihan hijau dalam kerangka serantau.